

BAB 1

PENDAHULUAN

1.0 PENGENALAN

Morfologi merupakan satu bidang linguistik yang mengkaji struktur, bentuk dan pergolongan kata. Kajian terhadap asas-asas pembentukan suatu kata dengan mengenalpasti susunan unit-unit kata secara struktur, bagaimana unit-unit kata bercantum hingga wujudnya struktur kata yang diucapkan merupakan elemen penting dalam apa jua kajian bahasa. Ianya haruslah didahului dan diutamakan sebelum menceburi bidang linguistik yang lain (‘Abduh al-Rājiḥiy, 1983 : 8). Hasil yang diperolehi daripada kajian pembentukan kata merupakan asas kepada penguasaan ilmu bahasa itu sendiri. Kajian Asmah Omar (2008 : 5) juga turut menekankan kepentingan kata dalam bahasa . Menurut beliau tumpuan dalam penggunaan bahasa adalah ayat. Ayat mempunyai unsur-unsur iaitu klausa , frasa dan kata. Unsur kata dilihat mempunyai peranan yang besar dalam pembentukkan ayat .

Kajian terhadap pembentukan kata menjadi begitu penting disebabkan keperluan para pelajar dan pencinta bahasa untuk mempelajari dan menguasai sesuatu bahasa. Muḥammad al-Mubārak (1975 : 287) pula dalam kajiannya menjelaskan bahawa penggunaan bahasa yang baik dan betul terletak pada struktur kata dan susunannya yang baik dan betul . Kesalahan dan kecacatan pada struktur kata akan menghilangkan keharmonian dan keindahan sistem suatu bahasa. Beliau menyatakan

demikian dalam bukunya *Fiqh al-Lughah Wa Khaṣā'is al-'Arabiyyah* berbunyi :

إِنَّ أَوْزَانَ الْعَرَبِيَّةِ وَأَبْنِيَّتَهَا هِيَ إِحْدَى مُقَوِّمَاتِهَا وَخَصَائِصُهَا الْمُمَيِّزَةُ ...
وَالِإِخْلَافُ بِهَا وَإِفْسَادُهَا إِفْسَادٌ لِنِظَامِ اللَّغَةِ وَإِخْلَافٌ بِإِنْسِجَامِهَا

Sesungguhnya wazan dan pola kata adalah salah satu daripada ciri-ciri keistimewaan bahasa Arab. Kepincangan dan kecacatan wazan dan pola katanya turut melibatkan kepingangan dan kecacatan terhadap struktur bahasa dan keharmoniannya .

Menurut sistem morfologi, bahasa-bahasa di dunia dibahagi dalam tiga golongan, iaitu bahasa isolasi, bahasa aglutinasi dan bahasa fleksi (Nik Hassan Basri bin Nik Abd Kadir , 2003 : 60). Bahasa Arab merupakan salah satu bahasa fleksi dan memiliki sistem morfologi yang sangat unik dan kompleks . Suatu kata dalam bahasa Arab boleh memiliki satu keluarga yang besar dan merujuk kepada satu sistem wazan yang sama serta mempunyai hubungan huruf dan makna antara satu sama lain . Makna asal yang umum tetap wujud pada wazan dalam sistem yang sama walau pun berlaku pelbagai perubahan morfologi dan fonologi dalam proses pembentukan katanya (Ṣubḥiy Ṣāleḥ ,1981 : 175) .

Al-Mīzān al-Ṣarfīy adalah elemen asas dalam bidang morfologi bahasa Arab peringkat pembentukan kata. Ia merupakan neraca asas yang menjadi rujukan kepada setiap kata yang digunakan oleh penutur jati Arab. Kata dasar yang menjadi asas dalam *al- Mīzān al-Ṣarfīy* terdiri daripada tiga huruf asal iaitu *fā*, 'ain dan *lām* (فعل). Para sarjana bahasa menggunakan konsonan kata kerja فَعَلَ <fa'ala >

(*berbuat/mengerjakan*) sebagai wazan *'aṣliyy* (teras) yang menjadi neraca kepada semua kata bahasa Arab . Contohnya , huruf *fā'* menggambarkan akar pertama, huruf *'ain* akar kedua dan huruf *lām* akar ketiga. Namun akibat daripada pelbagai proses morfologi dan fonologi yang berlaku dalam pembentukan kata menyebabkan wujud persamaan dan perbezaan antara wazan *'aṣliyy* dan kata *al-mawzūn*.

Sarjana-sarjana dan ahli bahasa merupakan orang yang bertanggungjawab dalam menjalankan kajian-kajian berkaitan wazan kata. Sībawayh (m 180H) adalah dianggap ahli bahasa pertama yang telah mengumpul hampir semua wazan yang terdapat dalam kata bahasa Arab. Buku beliau "*al-Kitāb*" lengkap membincangkan pembentukan kata malah beliau menyenaraikan hampir semua wazan-wazan yang digunakan dalam bahasa Arab . Wazan-wazan yang disenaraikan itu adalah wazan *'aṣliyy* dan kebanyakannya terpaksa mengalami perubahan demi perubahan terutamanya yang melibatkan huruf *'illah* .

Kata kerja mengikut tokoh-tokoh bahasa dari aliran Kūfah merupakan kata dasar bagi semua kata nama *musytaq*. Proses pembentukan kata nama *musytaq* adalah berdasarkan kepada kata kerja . Kesahihan struktur katanya tertakluk kepada kesahihan kata kerja (Mahdiy al-Makhzūmiy ,1986 : 103 , Khadījah al-Ḥadīthiy , 1965 : 255) . Justeru, struktur ayat kerja mendominasi struktur ayat namaan dalam bahasa Arab. Ini disebabkan struktur asas dalam ayat bahasa Arab dimulakan dengan kata kerja kecuali atas sebab-sebab pertimbangan semantik dan nahu (Ibrāhīm Sāmarā'iy, 1986 : 49). Kenyataan Ibrahim Samaraiy ini memperkuat

hujah Ibn Jinniy (1954: 33) yang mengatakan bahawa proses morfologi melibatkan *al-Mīzān al-Şarfīy* adalah berasal daripada kata kerja kerana penggunaannya meluas berbanding kata nama.

Oleh kerana tidak ada mekanisma lain untuk menilai kesahihan , kesalahan dan kepingangan suatu kata selain dari sistem *al- Mīzān al-Şarfīy* , maka para ulamak dan cendikiawan bahasa menegaskan bahawa sesiapa yang ingin mempelajari bahasa Arab , terlebih dahulu mesti mempelajari ilmu *al- Mīzān al-Şarfīy* (Ibn Jinniy ,1954 : 4) .

Maka dengan itu , pengkaji mendapat idea untuk membicarakan tentang proses pembentukan pola kata kerja bahasa Arab dan melihat bentuk-bentuk *wazan* yang digunakan oleh penutur jati Arab . Ekoran daripada itu , pengkaji memilih satu kajian khusus berkenaan dengan *al-Mīzān al-Şarfīy* dalam pembentukan pola kata kerja dan kata nama *Mushtaq* kerana ia adalah satu bidang morfologi yang penting dan merupakan neraca bagi mengukur kesahihan struktur kata bahasa Arab . Tajuk yang dipilih ialah “ *Analisis al- Mīzān al-Şarfīy dalam Pembentukan Kata kerja dan Kata nama Mushtaq Bahasa Arab*” .

1.1 LATAR BELAKANG KAJIAN

Al-Mīzān al-Ṣarfīy merupakan asas dalam bidang morfologi bahasa Arab dan merupakan neraca yang menjadi rujukan kepada setiap kata dalam bahasa Arab (Aḥmad Ṭāhir Ḥusnaini , 1987 : 95) . Ia adalah satu-satunya mekanisma yang digunakan untuk menilai kesahihan dan kesalahan suatu kata, menentukan bentuk-bentuk wazan kata yang digunakan oleh penutur jati Arab , mengenalpasti kata dasar dan golongan kata serta aspek-aspek perubahan morfologi yang berlaku pada suatu struktur kata (Muḥammad Khair al-Ḥilwāniy , 1978 : 11) .

Ilmu *al-Mīzān al-Ṣarfīy* dicipta disebabkan kebanyakan kata dalam bahasa Arab mempunyai wazan-wazan tersendiri yang berbeza antara satu sama lain . Ṣubḥiy Ṣāleḥ (1981 : 332) menjelaskan demikian dalam bukunya *Dirāsāt fī Fiqh al-Lughat* yang berbunyi :

وَالْحَقُّ أَنَّنَا إِذَا تَقَصَّيْنَا الْكَلِمَ الْعَرَبِيَّ وَجَدْنَا كُلَّ لَفْظٍ فِيهِ يَرْتَدُّ إِلَى قَالِبٍ
مُحْدِيٍّ عَلَى مِثَالِهِ إِلَّا أَنْ يَكُونَ حَرْفًا أَوْ ظَرْفًا جَامِدًا

Sebenarnya apabila diteliti keseluruhan kata bahasa Arab didapati bahawa setiap lafaznya adalah merujuk kepada satu acuan yang sama miripnya melainkan kata tugas dan zarf yang beku.

Ibn Jinniy (1954 : 2) dalam kajiannya turut memperkatakan tentang kepentingan *al-Mīzān al-Ṣarfīy* dalam peringkat pembentukan kata bahasa Arab. Beliau menggelarkan *al-Mīzān al-Ṣarfīy* sebagai *mīzān al-‘arabiyyah* (مِيزَانُ

(العَرَبِيَّة) iaitu neraca kata bahasa Arab. Menurut beliau , *al-Mīzān al-Ṣarfīy* telah memberi satu impak yang sangat besar kepada keharmonian bahasa Arab . Selain menjadi kayu pengukur untuk mengetahui keaslian dan pengimbuhan huruf dalam suatu kata , ia juga satu-satunya mekanisma untuk mengenalpasti kata nama *ishtiqaq* (derivasi) iaitu penerbitan kata atau pengwujudan kata-kata baru hasil dari proses penerbitan kata dari kata-kata akar seperti *ism fā'il* (اِسْمُ الْفَاعِلِ) , *ism maf'ūl* (اِسْمُ الْمَفْعُولِ) , *ṣiḡah mubālagh* (صِيغَةُ الْمُبَالَغَةِ) , *ism tafḍīl* (اِسْمُ التَّفْضِيلِ) , *ṣifat musyabbahah* (الصِّفَةُ الْمُشَبَّهَةِ) , *maṣdar* (الْمَصْدَر) dan sebagainya .

Walaupun pemerolehan kata bahasa Arab sebahagian besarnya diperolehi melalui proses *ishtiqaq* (derivasi) dan *qiyās* (analogi), namun , kedua-dua proses tersebut tidak mungkin tercapai tanpa melalui ilmu *taṣrīf* yang menjadi asas kepada *al- Mīzān al-Ṣarfīy* (Ibn Jinniy 1954 : 2) . Penerbitan kata baru dalam *ishtiqaq* banyak melibatkan proses morfologi . Dalam hal ini *ishtiqaq* lebih memfokuskan kepada pengambilan erti dari kata dasar , sedangkan morfologi menekankan struktur kata dan wazan-wazan kata yang timbul dari kata akar . Justeru , *ishtiqaq* dan wazan dua perkara yang tidak boleh dipisahkan dalam kajian . Kenyataan demikian ditegaskan oleh Ibn Jinny dalam bukunya “ al-Munṣif” berbunyi :

وَهَذَا الْقَبِيلُ مِنَ الْعِلْمِ أَعْنِي التَّصْرِيفَ يَحْتَاجُ إِلَيْهِ جَمِيعُ أَهْلِ الْعَرَبِيَّةِ أتمَّ
حَاجَةٍ .. لِأَنَّهُ مِيزَانُ الْعَرَبِيَّةِ ، وَبِهِ تُعْرَفُ أَصُولُ كَلَامِ الْعَرَبِ مِنْ
الرُّوَايِدِ الدَّاحِلِيَّةِ عَلَيْهَا ، وَلَا يُوصَلُ إِلَى مَعْرِفَةِ الْإِشْتِقَاقِ إِلَّا بِهِ ،
وَقَدْ يُؤْخَذُ جُزْءٌ مِنَ اللُّغَةِ كَبِيرٌ بِالْقِيَاسِ وَلَا يُوصَلُ إِلَى ذَلِكَ إِلَّا مِنْ
طَرِيقِ التَّصْرِيفِ .

*Ahli komuniti Arab sangat memerlukan kepada ilmu
taşrif kerana ia adalah alat pengukur kata bahasa Arab .
Dengannya dapat diketahui akar dan imbuhan kata
bahasa Arab. Suatu kata isyitiqaq tidak dapat dikenal
pasti tanpanya (ilmu al-taşrif) . Sesungguhnya
sebahagian besar kata bahasa Arab dibentuk melalui
qiyās dan tidak sampai kepada qiyās tanpa melalui
ilmu taşrif*

Ibn Jinniy (1954 : 4) juga menegaskan dalam kajiannya bahawa *al- Mīzān
al-Şarfīy* menjadi keperluan asas dan impak yang besar dalam bidang sintaksis.
Kegagalan menguasai aspek berkaitan kata dan pembentukannya merupakan faktor
utama kegagalannya menguasai aspek tatabahasa khususnya dan bahasa Arab secara
umumnya . Perkara ini ditegaskan oleh beliau dalam kitabnya “ al-Munşif ” :

كَانَ مِنَ الْوَاجِبِ عَلَى مَنْ أَرَادَ مَعْرِفَةَ النَّحْوِ أَنْ يَبْدَأَ بِمَعْرِفَةِ
التَّصْرِيفِ

*Menjadi satu kewajipan bagi mereka yang ingin
mempelajari ilmu nahu bahawa ia mempelajari ilmu
taşrif terlebih dahulu .*

Kajian al-Suyūṭiy (t.t. : 1 : 330) turut mengupas fungsi dan peranan *al- Mīzān al-Ṣarfīy* dalam proses pembentukan suatu kata . Menurut beliau , kegagalan menguasai ilmu *taṣrīf* merupakan kegagalan menguasai sebahagian besar ilmu bahasa . Beliau meninjau bahawa perbezaan antara golongan kata kerja , kata nama dan makna yang didukung oleh kedua-duanya dapat dikenal pasti dengan mudah melalui harakah bagi setiap kata. Beliau menegaskan demikian dalam kitabnya *al-Muzhir* dengan katanya :

أَمَّا التَّصْرِيفُ فَإِنَّ مَنْ فَاتَهُ عِلْمُهُ فَاتَهُ الْمِعْظَمُ لِأَنَّ نَقُولَ : وَجَدَ وَهِيَ
 كَلِمَةٌ مُبْهَمَةٌ فَإِذَا صَرَّفَتْ أَفْصَحَتْ ، فَقُلْتُ فِي الْمَالِ : وَجِدًا وَفِي
 الضَّالَّةِ : وَجِدَانًا وَفِي الْعَضْبِ : مَوْجِدَةً ، وَفِي الْحَزَنِ : وَجِدًا

Adapun Taṣrīf maka bahawanya barangsiapa luput ilmunya maka luputlah sebahagian besar (ilmu bahasa) kerana kami katakan : perkataan وَجَدَ adalah satu perkataan yang kesamaran. Maka apabila kamu tasrifkannya maka kamu akan jelas . Sebabnya kamu kata pada harta : وَجِدًا , kamu kata pada suatu barang yang hilang : وَجِدَانًا , kamu kata pada marah : مَوْجِدَةً dan kamu kata pada sedih : وَجِدًا ...

Kajian *al- Mīzān al-Ṣarfīy* ini hanya melibatkan kata yang boleh menerima perubahan dalam pelbagai bentuk (Khadījah al-Ḥadīthiy , 1965 : 26 , Muḥammad ‘Aliy al-Khūliy t.t : 65,100) seperti kata nama *al- mutamakkinah* (الأَسْمَاءُ الْمُتَمَكِّنَةُ) dan kata kerja *al-mutaṣarrifah* (الأَفْعَالُ الْمُتَصَرِّفَةُ) . Kedua –dua golongan kata ini mempunyai asal dan polanya boleh bertukar dan berubah bagi menghasilkan pola baru yang mempunyai pelbagai fungsi dan makna serta berperanan meringgankan sebutan pada perkataan yang sukar disebut (‘Aḥmad Ṭāhir Ḥusnaini , 1987 : 97) .

Semua jenis kata tugas (الحُرُوف) , separa partikel (شِبْه الحُرُوف) dan kata pinjaman daripada bahasa asing yang belum disesuaikan dengan *wazan* mengikut peraturan morfologi bahasa Arab seperti لندن , اسماعيل , أوْكْسِيْجِيْن , تَلْفِزِيُوْن tidak terlibat dengan sistem *al- Mīzān al-Ṣarfīy* , kerana ia bersifat jumud dan tidak menerima sebarang perubahan pada bentuknya dan kewujudannya tidak diketahui asalnya (Muhammad 'Aḥmad Qāsim .2002 : 4) .

Tegasnya , setiap peraturan dalam bahasa *al- Mīzān al-Ṣarfīy* ini mesti dipatuhi dalam pertuturan dan penulisan . Sebarang pelanggaran terhadap peraturan tersebut boleh menyebabkan kesalahan pada pembentukan kata bahasa Arab dan seterusnya kesalahan tatabahasa.

1.2 PERNYATAAN MASALAH

Al- Mīzān al-Ṣarfīy adalah sinonim dengan pembentukan kata bahasa Arab. Proses pembentukan kata tidak dapat dilakukan tanpa *al- Mīzān al-Ṣarfīy*. Hubungan erat antara *al- Mīzān al-Ṣarfīy* dan pembentukan kata sehingga dikatakan bahawa tidak ada satu mekanisma yang digunakan selain *al- Mīzān al-Ṣarfīy* dalam proses pembentukan kata . Ibn Jinniy (1954 : 4) menegaskan bahawa kajian *al- Mīzān al-Ṣarfīy* perlu didahulukan daripada kajian-kajian linguistik yang lain seperti ilmu nahu , semantik , retorik dan sebagainya kerana kesempurnaan ilmu-ilmu tersebut tertakluk kepada kesempurnaan *al-Mīzān al-Ṣarfīy* . Oleh itu , pengkaji merasakan bahawa ciri-ciri yang ada pada *al-Mīzān al-Ṣarfīy* sehingga ia menja di rujukan dan

mekanisme utama perlu ditelusuri dan diteliti untuk melihat kepentingannya dan peringkat-peringkat yang dilalui olehnya dalam proses pembentukan kata kerja dan kata nama *mushtaq*.

Al-Mizān al-Ṣarfīy merupakan neraca dan kayu pengukur bagi rujukan setiap kata. Walaupun setiap kata dalam bahasa Arab mempunyai wazan tersendiri yang berbeza antara satu sama lain, namun, proses pembentukan kata melalui padanan wazan bukan semuanya terjadi secara langsung, tetapi melalui pelbagai proses morfologi dan fonologi yang kompleks dan sukar seperti pengguguran pengguguran (الإِعْلَالُ بِالْحَذْفِ), pengimbuhan (الزِّيَادَةُ), pengalihan (الإِعْلَالُ بِالنَّقْلِ), penyerapan dan penguraian (الفكّ وَ الإِدْغَام), penukaran (الإِبْدَال) dan sebagainya. Fenomena ini mencetuskan banyak kesukaran dan kerumitan dalam pembelajaran pembentukan kata kerja disebabkan wujudnya persamaan dan perbezaan antara wazan 'asliy dan kata kerja *al-mawzūn* (Maḥmūd Sulaimān Yāqūt, 1994 : 9). Kesilapan demi kesilapan kemungkinan boleh berlaku dalam membentuk perkataan, merujuk perkataan kepada kata dasar, membezakan jenis-jenis perkataan, mengenal pasti wazan-wazan kata nama dan kata kerja dan seterusnya meletakkannya di tempat yang sesuai dengan makna dalam sesuatu ayat ('Abduh al-Rājihīy, 1983 : 44). Kesilapan tersebut merupakan salah satu faktor utama kegagalan menguasai bahasa Arab dengan baik dalam penulisan dan pertuturan. Oleh itu, pengkaji merasakan bentuk-bentuk persamaan dan perbezaan antara wazan 'asliy dan kata *al-mawzūn* mengikut aras perubahan morfologi perlu dikenalpasti agar kekeliruan tersebut dapat dielakkan.

Ahli linguistik silam dan moden dalam bidang morfologi Arab banyak membicarakan tentang aspek perubahan morfologi dan fonologi dalam pembentukan kata . Perselisihan pendapat di kalangan mereka mengenai faktor-faktor perubahan tersebut lebih bersifat falsafah menyebabkan ianya sukar difahami (‘Abduh al-Rājiḥiy t.t. : 154). Contohnya ,proses pembentukan *ism maf’ūl* (kata nama transitif) مَفْعُولٌ dan مَبْيُوعٌ telah mengalami tiga peringkat perubahan seperti berikut iaitu :

Pertama : مَفْعُولٌ dan مَبْيُوعٌ mengikut wazan ‘aṣliyy مَفْعُولٌ < maf’ūlun >.

Kedua : Memindahkan ḥarakah *ḍammah* pada huruf *wāw* pertama dan huruf *yā’* kepada huruf *ṣaḥīḥ* sebelumnya iaitu : مَفْعُولٌ , مَبْيُوعٌ . Menurut Sībawayh dan al-Akhfash ḥarakah *ḍammah* huruf *qāf* pada مَفْعُولٌ dikekalkan kerana sesuai dengan huruf *wāw* selepasnya . Manakala ḥarakah huruf *bā’* pada kata nama مَبْيُوعٌ ditukarkan kepada ḥarakah *kasrah* kerana hendak menyesuaikan dengan huruf *yā’* selepasnya iaitu مَبْيُوعٌ .

Ketiga : Pengguguran huruf berlaku disebabkan pertemuan dua ḥarakah *sukūn* dalam satu perkataan iaitu مَفْعُولٌ dan مَبْيُوعٌ . Sībawayh menggugurkan huruf *wāw* tambahan pada مَفْعُولٌ dan مَبْيُوعٌ . Manakala al- Akhfash pula menggugurkan huruf asal iaitu huruf *wāw* dan *yā’* iaitu : مَفْعُولٌ dan مَبْيُوعٌ bukannya huruf *wāw* tambahan kerana kehadirannya membawa

fungsi makna tertentu . Menurut al- Akhfash lagi huruf *wāw* pada kata nama مَبِيعٌ sekali lagi ditukarkan kepada huruf *yā'* kerana menyesuaikan dengan harakah *kasrah* sebelumnya dan untuk membezakan antara huruf *wāw* dan huruf *yā'* pada kata dasar . Justeru, wazan bagi مَفْعُولٌ di sisi Sībawayh adalah مَفْعُولٌ < *mafu'lun* > dan di sisi al-Akhfash pula adalah مَفْعُولٌ < *mafūlun* > . Sementara wazan bagi مَبِيعٌ adalah مَفْعِلٌ < *mafi'lun* > di sisi Sībawayh dan مَفْعِيلٌ < *mafīlun* > di sisi al-Akhfash ('Aḥmad 'Ibrāhīm 1988).

Justeru , pengkaji merasakan satu kajian yang menghuraikan tentang ciri-ciri *al-Mizān al-Ṣarfiy* dalam proses pembentukan kata perlu dilakukan supaya menarik minat para pelajar dan pencinta bahasa Arab kepada bidang morfologi.

Proses morfologi dan fonologi dalam peringkat pembentukan pola kata kerja bahasa Arab adalah proses yang agak sukar untuk difahami dan dikuasai dalam masa yang singkat . Bunyi-bunyi vokal kerap berubah-ubah dan mempunyai banyak variasi dalam pengucapannya . Sub-sub topik dalam bidang morfologi dan fonologi terlalu banyak dan amat kompleks terutama topik yang ada kaitan dengan '*ilāl* dan '*ibdāl* ('Abduh al-Rājīhiy ,1983 : 8). Hampir keseluruhan sub topik dalam morfologi dan fonologi yang menjadi asas kepada pembentukan pola kata perlu difahami sebelum dapat menguasai sepenuhnya kemahiran membentuk dan mengenal pasti wazan pola kata kerja dengan betul dan tepat. Semua sub topik tersebut berhubung rapat antara satu dengan yang lain , kerana ada kemungkinan

lebih daripada satu sub topik tersebut berhimpun dalam satu kata . Proses pembentukan kata kerja kala kini يَقُولُ dan يَبِيعُ sebagai contoh telah mengalami beberapa peringkat perubahan fonologi sebelum diterima pakai iaitu Pertama يَقُولُ mengikut wazan 'asliyy يَفْعُلُ < yaf'ulu > dan يَبِيعُ mengikut wazan 'asliyy يَفْعِلُ < yaf'ilu >. Kedua : Memindahkan harakah *ḍammah* pada huruf *wāw* dan harakah *kasrah* pada huruf *yā'* kepada huruf *ṣaḥīḥ* sebelumnya iaitu يَقُولُ dan يَبِيعُ . Justeru , wazan 'asliyy bagi kedua-dua kata kerja tersebut telah bertukar kepada يَقُولُ < yafūlu > dan يَفِيلُ < yafīlu > . Perbezaan dan persamaan yang wujud antara wazan 'asliyy dan kata *al-mawzūn* ini merupakan penyumbang pertama kepada kesukaran tersebut . Kenyataan ini menguatkan lagi pandangan Ibn Jinniy (1954 : 5) dalam kitabnya yang berjudul *al-Munṣif* iaitu :

إِنَّ هَذَا الضَّرْبَ مِنَ الْعِلْمِ لَمَّا كَانَ عَوِيصًا صَعْبًا بُدِيءَ قَبْلَهُ
بِمَعْرِفَةِ النَّحْوِ

Sesungguhnya bidang ilmu ini (merujuk kepada ilmu taṣrīf) memandangkan kesukarannya yang amat sangat , maka ia perlu dimulakan (dipelajari) terlebih dahulu sebelum menceburi bidang nahw (sintaksis) .

Kesukaran bidang morfologi ini juga turut dikongsi oleh Maḥmūd Sulaimān Yāqūt (1994 : 9) dalam kitabnya yang berjudul *al-sarf al-Ta'līmiyy* iaitu :

إِنَّ الصَّرْفَ فِيهِ الْكَثِيرُ مِنَ الْعُمُوضِ وَالصُّعُوبَةِ حِينَ التَّعْرِفِ
عَلَى مَوْضُوعَاتِهِ وَقَضَايَاهُ

Bahawasanya bidang morfologi ini mengandung berbagai-bagai kesukaran dan kesulitan ketika mengenalpasti topik-topik dan aspek - aspek berkaitan dengannya .

Kata kerja dalam bahasa Arab sama ada *mujarrad* atau *mazīd* kebanyakannya merujuk kepada wazan mengikut lingkungan sistem yang sama (Muḥammad Khair al-Ḥilwāniy, 1978 : 20) . Kegagalan mengingat dan mengenalpasti wazan suatu kata dengan baik antara faktor utama kepada kesukaran membentuk pola kata. Wazan dalam lingkungan sistem yang sama kerap berubah-ubah dan mempunyai banyak variasi mengikut kedudukan huruf –huruf vokal dalam susunan kata menyebabkan bentuk pengucapannya. amat berbeza sekali daripada wazan 'aṣliynya . Perubahan-perubahan tersebut menyebabkan wujud perbezaan yang ketara antara wazan 'aṣliy dan kata *al-mawzūn* walaupun mempunyai sistem wazan yang sama. Oleh itu , pengkaji merasakan faktor-faktor perubahan yang berlaku pada struktur kata perlu dianalisa dan dihuraikan agar suatu kata dapat dirujuk kepada wazannya tanpa sebarang kekeliruan .

Kekeliruan terhadap huruf akar dan huruf imbuhan dalam suatu kata menyebabkan kegagalan merujuk satu kata kepada kata dasarnya . Kekeliruan itu timbul disebabkan wujud perbezaan yang ketara antara wazan 'aṣliy dan kata *al-mawzūn* akibat daripada proses morfologi . Umpamanya KK perintah *ق* mengikut wazan 'aṣliy أفعل < if'il > dan kata akarnya ialah *وَقَى* . Kegagalan mengenalpasti kata dasar turut membantut proses pencarian makna perkataan dalam kamus Arab. Kebanyakan penulis –penulis kamus Arab seperti pelupornya al-Khalīl ibn 'Aḥmad telah menyusun perkataan dalam kamusnya “ *al-'Ain* ” mengikut susunan huruf asal

perkataan ('Aḥmad Ṭāhir Ḥusnaini , 1987 : 93). Kaedah beliau ini diikuti oleh sebahagian penyusun –penyusun lain kemudiannya .

Kebanyakan daripada kata kerja atau kata nama akan disusuli dengan imbuhan - imbuhan tertentu sama ada imbuhan satu huruf (*mazīd biḥarf*), dua huruf (*mazīd biḥarfaini*) atau tiga huruf (*mazīd bi thalāthati 'aḥruf*) yang akan memberikan perubahan pada makna perkataan . Contohnya imbuhan *ألف // alīf //*, *تاء // tā' //* dan *سین // sīn //* pada perkataan asal *عَفَرَ // ghafara //* bermakna ampun akan menjadi *اسْتَغْفَرَ // istaghfara //* (pengimbuhan *alīf, tā'* dan *sīn*) yang membawa kepada makna “ minta ampun” kerana imbuhan tersebut (*alīf, tā'* dan *sīn*) telah memberikan satu fonem yang mempunyai makna (al-Suyūṭiy , t.t : 19) . Pencarian makna perkataan dalam kamus tidak akan sempurna tanpa mengenalpasti huruf akar dan imbuhan dalam suatu perkataan . Setiap perkataan perlu dirujuk kepada kata akarnya terlebih dahulu sebelum dapat mencari perkataan dan makna yang dikehendaki. Oleh kerana itu, peraturan *al-Mīzān al-Ṣarfīy* telah digunakan oleh kebanyakan penulis kamus Arab dalam proses pencarian makna perkataan . Justeru , ciri-ciri *al-Mīzān al-Ṣarfīy* di dalam proses pembentukan kata perlu dikaji dan diteliti untuk menerokai sejauhmanakah keperluan bidang perkamusan kepada *al- Mīzān al-Ṣarfīy* .

Isnād al-fi'l ilā ḍamā'ir (Penyambungan kata kerja dengan kata ganti nama diri) dalam subsistem *marfū'* (berfungsi sebagai “pelaku”) dan partikel *nūn tawkīd* (penegasan) juga turut melibatkan beberapa proses perubahan bunyi yang berlaku hasil dari pertembungan morfologi dan fonologi (Fu'ād Ni'mat ,t.t : 114).

Kewujudan *ḍamīr marfū'* dan partikel *nūn tawkīd* sedikit sebanyak akan mengubah bentuk wazan '*aṣliy* menyebabkan wujudnya perbezaan antara wazan '*aṣliy* dan kata kerja *al-mawzūn* (Muḥammad Khair al-Ḥilwāniy, 1978 : 22-23). Umpamanya pengguguran huruf *alīf* pada kata kerja *lafīf maqrūn* dan *lafīf mafrūq* طَوَى // *tawā* // dan وفى // *wafā* // ketika bersambungan dengan *ḍamīr* yang dimulai dengan awalan *sukūn* seperti *ḍamīr mufrad* dan *muthanna* feminim bagi diri ketiga iaitu (تَا , تْ) dan *ḍamīr* jamak laki-laki bagi diri ketiga iaitu (وَا) seperti طَوَتْ (pola asalnya ialah طَوَاتْ), طَوَّتَا (pola asalnya ialah طَوَاتَا) dan وَقَّتْ (pola asalnya ialah وَقَاتْ), وَقَّتَا (pola asalnya ialah وَقَاتَا), وَقَّتَا (pola asalnya ialah وَقَاتَا) dan وَقَّتَا (pola asalnya ialah وَقَاتَا). Demikian juga pengguguran huruf akhir kata akar bagi kata kerja kala kini yang *mu'tal* akhir ketika bersambungan dengan *ḍamīr* jamak laki-laki dan partikel *nūn tawkīd thaqīlah* seperti لَتَسْعَوْنَ (pola asalnya ialah لَتَسْعَاوْنَ), لَتَدْعُونَ (pola asalnya ialah لَتَدْعَاوْنَ), لَتَطُوبُونَ (pola asalnya ialah لَتَطُوبَاوْنَ), لَتَدْعُونَ (pola asalnya ialah لَتَدْعَاوْنَ), لَتَطُوبُونَ (pola asalnya ialah لَتَطُوبَاوْنَ), لَتَشْكُونَ (pola asalnya ialah لَتَشْكُواوْنَ). Perbezaan tersebut merupakan antara punca sebenar pembelajaran pembentukan kata menjadi rumit dan sukar .

Meskipun terdapat kajian awal dan mutakhir yang pernah dijalankan mengenai pembentukan kata bahasa Arab berdasarkan *al- Mīzān al-Ṣarfīy*, namun aspek persamaan dan perbezaan antara wazan '*aṣliy* dan kata *al-mawzūn* masih belum diberi perhatian yang selayaknya. Rumusan-rumusan wazan terakhir selepas perubahan sebagai rujukan langsung kepada pembentukan kata seperti فَال < *fāla* > wazan bagi kata kerja قَالَ dan يُفِيلُ < *yufīlu* > wazan bagi kata kerja يُجِيبُ tanpa

melihat kepada aspek perubahan morfologi dan fonologi yang berlaku belum kedapatan secara meluas dalam karya-karya bahasa Arab dan Melayu . Hakikat ini diakui sendiri oleh Tammām Ḥassān (1985 : 144-145) yang melontarkan pandangannya terhadap perbezaan antara *al-ṣiġḡah* (الصِيغَة) dan *al-mīzān* (المِيزَان). Menurut beliau *mabnā ṣarfīy* (مَبْنَى صَرْفِيّ) adalah binaan morfologi , manakala *al-mīzān* pula ialah *mabnā ṣawti* (مَبْنَى صَوْتِي) adalah binaan fonologi . Beliau mengulas lagi bahawa penentuan wazan suatu kata dalam bahasa Arab perlu mengambil kira perubahan bentuk akhir kerana pembentukannya lebih mudah dan cepat tanpa sebarang kekeliruan .

Berdasarkan kenyataan di atas , ciri-ciri *al-Mīzān al-Ṣarfīy* dalam proses pembentukan kata kerja, bentuk-bentuk persamaan dan perbezaan antara wazan *'aṣliy* dan kata *al-mawzūn* serta faktor-faktor perubahan yang berlaku pada struktur kata perlu dikenalpasti, dihurai dan dianalisa dengan jelas supaya sebarang kekeliruan berkaitan pembentukan kata kerja dapat ditangani dengan berkesan . Kegagalan menguasai perkara tersebut akan menghilangkan minat kepada bidang morfologi sekaligus merupakan faktor utama kegagalan menguasai bahasa Arab dengan baik dalam penulisan dan pertuturan.

1.3 OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini adalah untuk :

- a) Meneliti ciri-ciri *al- Mīzān al-Ṣarfīy* dalam proses pembentukan kata kerja dan kata nama *mushtaq* bahasa Arab .
- b) Mengenalpasti bentuk-bentuk persamaan dan perbezaan yang wujud antara wazan *'aṣliy* dan kata *al-mawzūn* mengikut aras perubahan morfologi bahasa Arab .
- c) Menganalisis perubahan-perubahan morfologi yang berlaku pada struktur kata kerja dan kata nama *mushtaq* bahasa Arab .

1.4 PERSOALAN KAJIAN

Untuk mencapai objektif yang digariskan , pengkaji telah merumuskan beberapa persoalan yang perlu diterokai dalam kajian ini , iaitu :

- a) Sejauhmanakah ciri-ciri yang ada pada *al- Mīzān al-Ṣarfīy* sehingga ia menjadi rujukan dan mekanisma utama di dalam proses pembentukan kata kerja dan kata nama *mushtaq* bahasa Arab ?
- b) Apakah bentuk-bentuk persamaan dan perbezaan yang wujud antara wazan *'aṣliy* dan kata *al-mawzūn* mengikut aras perubahan morfologi ?
- c) Apakah perubahan-perubahan morfologi yang berlaku pada struktur kata kerja dan kata nama *mushtaq* ?

1.5 KEPENTINGAN KAJIAN

Penggunaan kata yang betul adalah keperluan para pelajar dan pencinta bahasa untuk menguasai suatu bahasa . Penggunaan bahasa yang baik terletak pada struktur dan susunan kata yang baik. Kepincangan dan kesalahan kata turut membawa kepada kepincangan ayat dan kesalahan bahasa. Justeru , kajian pembentukan kata yang dilakukan untuk menilai kesahihan dan kesalahan suatu kata , mengenalpasti golongan kata dan aspek-aspek morfologi yang berlaku adalah perlu , amat wajar dan penting . Pembentukan kata dalam bahasa Arab berkait rapat dengan *al- Mīzān al-Ṣarfīy*. Oleh itu, meneliti ciri-ciri *al- Mīzān al-Ṣarfīy* dalam proses pembentukan kata amat penting kerana kajian pembentukan kata bahasa Arab tanpa *al- Mīzān al-Ṣarfīy* dianggap tidak lengkap .

Aspek persamaan dan perbezaan yang wujud antara wazan 'aṣliy dan kata *al-mawzūn* sering terdapat dalam proses pembentukan kata akibat perubahan morfologi. Fenomena ini menyebabkan berlaku kekeliruan di dalam menentukan wazan 'aṣliy sesuatu kata . Justeru , wazan kata kerja dan kata nama *mushtaq* yang dirumus dalam kajian ini dapat membantu mengenalpasti faktor-faktor perubahan morfologi dan fonologi seperti pengguguran, pengimbuhan, pengalihan , penukaran , penyerapan dan penyuraian dan sebagainya . Selain itu kajian ini juga dapat menjadi mekanisma kepada para pelajar dan pencinta bahasa Arab untuk mengenalpasti bentuk golongan kata , kedudukan huruf asal dan huruf imbuhan dalam sesuatu perkataan , kesahihan dan kesalahan struktur suatu kata .

Kajian *al-Mīzān al-Ṣarfīy* pada hakikatnya telah memberi satu impak yang besar dalam bidang morfologi bahasa Arab peringkat pembentukan kata. Namun perselisihan pendapat di kalangan ulamak terhadap pembentukan kata lebih bersifat falsafah menyebabkan ianya rumit dan sukar untuk difahami. Kajian ini mempunyai signifikan tersendiri iaitu mengelakkan daripada melakukan kesalahan morfologi dalam pertuturan dan penulisan. Manakala unsur-unsur falsafah yang banyak dibicarakan oleh tokoh-tokoh dan ahli bahasa silam dan moden dapat dikenalpasti dan ditangani dengan lebih berkesan.

Kajian ini penting kerana menonjol satu pendekatan baru dalam pembelajaran pembentukan kata. Kajian ini diharap dapat membantu para pelajar dan pencinta bahasa Arab mempraktikkan pembentukan kata kerja dan kata nama *mushtaq* bahasa Arab dengan lebih mudah dan berkesan melalui rumusan-rumusan wazan akhir daripada proses morfologi yang berlaku. Contohnya, KK kala lepas قَال // *qāla* // wazan akhirnya ialah قَالَ < *fāla* > dan seterusnya. Pemilihan rumusan-rumusan wazan terakhir sebagai rujukan langsung kepada pembentukan kata tanpa melihat kepada aspek perubahan morfologi dan fonologi yang berlaku diharap akan memberi impak yang berguna kepada para pelajar di peringkat permulaan, pencinta bahasa dan penyelidik akan datang di samping menarik minat mereka kepada bidang morfologi .

Kajian mengenai ciri-ciri *al-Mīzān al-Ṣarfīy* dalam proses pembentukan kata kerja, bentuk-bentuk persamaan dan perbezaan antara wazan *'aṣliy* dan kata *al-mawzūn* serta faktor-faktor perubahan yang berlaku pada struktur kata amat

penting dan wajar dilakukan. Adalah diharapkan kajian seperti ini dapat membantu pencarian makna perkataan dalam kamus dan seterusnya menerbitkan pelbagai kata dengan mudah dan berkesan. Justeru, kajian ini juga diharap dapat meningkatkan motivasi dan menarik minat para pelajar dan pencinta bahasa Arab kepada bidang morfologi dan seterusnya memahami ciri-ciri *al-Mīzān al-Ṣarfiy* yang dimiliki oleh bahasa Arab berdasarkan pendedahan dan penjelasan yang sistematik .

Kajian ini dianggap penting kerana ia menjadi antara bahan rujukan dan informasi kepada para pelajar, pencinta bahasa dan penyelidik disamping menjadi sumber referensi kepada Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya tentang *al-Mīzān al-Ṣarfiy* dan peranannya dalam pembentukan kata bahasa Arab. Kajian ini juga penting sebagai sumbangan pengkaji kepada khazanah ilmu pengetahuan khususnya apa-apa yang berkaitan dengan wazan kata kerja dan kata nama *musytaq* yang merangkumi proses pembentukan, faktor-faktor perubahan morfologi yang berlaku pada struktur kata dan bentuk-bentuk persamaan dan perbezaan antara wazan *'aṣliy* dan kata *al-mawzūn* yang jarang diketengahkan oleh sarjana-sarjana bahasa.

Selain itu, kajian bakal dijalankan ini dijangka dapat menjadi panduan , petunjuk dan rujukan kepada para pensyarah , guru dan pengkaji-pengkaji bahasa Arab akan datang tentang analisis kesilapan dalam proses pembentukan pola kata khususnya kata kerja dan kata nama *musytaq*.

1.6 BATASAN KAJIAN

Kajian ini memberi tumpuan kepada wazan, pembentukan kata kerja , pembentukan kata kerja ketika bersambung dengan *ḍamīr* dan partikel *nūn tawkīd*, seterusnya pembentukan kata nama *mushtaq* .

Wazan-wazan yang diberi perhatian dalam kajian ini ialah wazan-wazan yang popular sahaja (ʿAḥmad Ṭāhir Ḥusnaini , 1987 : 187) iaitu :

1. Wazan kata kerja *mujarrad* (أَوْزَانُ الْأَفْعَالِ الْمُجَرَّدَةِ) :
 - a. Wazan kata kerja *thulāthiy mujarrad* seperti فَعَلَ < *fa'ala* > ,
فَعِلَ < *fa'ila* > dan فَعُلَ < *fa'ula* > .
 - b. Wazan kata kerja *rubā'iy mujarrad* seperti فَعَّلَ < *fa'lala* > .

2. Wazan kata kerja *mazīd* (أَوْزَانُ الْأَفْعَالِ الْمَزِيدَةِ)
 - a. Wazan kata kerja *thulāthiy mazīd* seperti أَفْعَلَ < *af'ala* > ,
فَعَّلَ < *fa''ala* > , فَاعَلَ < *fā'ala* > , تَفَاعَلَ < *tafā'ala* > ,
تَفَعَّلَ < *tafa''ala* > , إِفْتَعَلَ < *ifta'ala* > , إِنْفَعَلَ
< *infa'ala* > , إِسْتَفَعَلَ < *istaf'ala* > .
 - b. Wazan kata kerja *rubā'iy mazīd* seperti تَفَعَّلَ < *tafa'lala* > .

Manakala wazan-wazan yang tidak popular seperti إفْعَلَّ < *if'ālla* > , إفْعَوَعَل < *if'aw'ala* > , إفْعَوَل < *if'awwala* > , إفْعَال < *if'a'ālla* > bagi kategori kata kerja *thulāthiy mazīd* dan إفْعَانَل < *if'anlala* > , إفْعَلِل < *if'alilla* > bagi kategori kata kerja *rubā'iy mazīd* disebut secara ringkas dalam analisis kajian ini. Wazan –wazan kata *mulhaq* seperti فَيَعَل < *fay'ala* > , فَوَعَل < *faw'ala* > , فَعَوَل < *fa'wala* > , تَفَعَلَل < *tafa'lala* > تَفَيَعَل < *tafay'ala* > , تَمَفَعَل < *tamaf'ala* > , إفْعَوَعَل < *if-'aw-'alla* > , إفْعَانَلَا < *if-'an-la'a* > , إفْعَانَلَى < *if-'an-lā* > , إفْعَالَلَا < *if'alalla* > dinyatakan secara sepintas lalu dalam kajian ini .

Skop perbincangan pembentukan kata kerja dalam kajian ini pula memfokuskan kepada kata kerja kala lepas , kata kerja kala kini , kata kerja perintah , kata kerja aktif dan kata kerja pasif . Turut dianalisis adalah pembentukan kata kerja ketika bersambung dengan *ḍamīr* dan partikel *nūn tawkīd* (penegas) kerana kewujudan kedua-duanya akan melibatkan sedikit perubahan pada struktur kata kerja menyebabkan wujud unsur persamaan dan perbezaan dengan wazan 'aṣliyya (‘Abduh al-Rājiḥiy , 1984 : 44) . Manakala *ḍamīr* pula , terbatas kepada kata *ḍamīr muttaṣil* (ضَمِيرٌ مُتَّصِلٌ) dalam subsistem *marfū'* yang berfungsi sebagai “pelaku” sahaja , kerana kewujudannya seolah-olah tidak boleh dipisahkan dari kata kerja (Fu'ād Ni'mah , t.t : 114) .

Batasan perbincangan pembentukan kata nama *mushtaq* pula kepada kata nama yang mendukung fungsi dan makna kata kerja sahaja . Antara kata nama *mushtaq* yang akan dianalisis dalam kajian ini terdiri daripada enam kategori iaitu ;

1. Kata nama *maṣḍar* (المَصْدَر)
2. Kata nama *ism fā'il* (إِسْمُ الْفَاعِلِ)
3. Kata nama *ism maf'ūl* (إِسْمُ الْمَفْعُولِ) .

Ketiga-tiga pola kata nama berkenaan di atas akan diberi keutamaan dalam analisis kerana kekerapan penggunaannya yang tinggi berbanding kata nama lain . Pembentukannya juga mempunyai hubungan yang erat dengan pembentukan pola kata kerja kerana melalui satu set sistem pembentukan yang sama ('Abduh al-Rājihīy ,1985 : 66, 75 , 81 , Muḥammad 'Abdul al-'Azīz al-Najjār ,1967 : 71,87,90) . Ahli linguistik dari aliran Kūfah berpendapat bahawa kata nama tersebut diterbitkan melalui proses *ishtiqaq* dan proses pembentukan kata nama berkenaan adalah menurut bentuk kata kerja (Khadījah al-Ḥadīthiy , 1965 : 254) .

- 4 . Pola kata nama *ṣiġah mubālagah* (صِيغَةُ الْمُبَالَغَةِ)
5. Pola kata nama *ṣifat mushabbahah* (الصِّفَةُ الْمُشَبَّهَةِ)
6. Pola kata nama *ism tafḍīl* (إِسْمُ التَّفْضِيلِ)

Pemilihan pola- pola 4, 5 dan 6 pula kerana mempunyai fungsi dan unsur-unsur makna kata kerja . Justeru , penulis merasakan wajar kata nama berkenaan dimasukkan dalam skop kajian pengkaji walaupun pembentukan polanya tidak melalui sistem pembentukan kata kerja .

Proses-proses morfologi dan fonologi seperti proses pengguguran , pengimbuhan , pengalihan , penukaran , penyerapan dan penyuraian dan kesan keduanya terhadap pembentukan struktur kata tersebut turut diberi perhatian dalam menganalisis pembentukan kata kerja dan kata nama *mushtaq*.

Kajian makna secara logiknya merupakan satu langkah kesinambungan yang harus dilakukan oleh setiap pengkaji bahasa setelah kajian berkaitan pembentukan kata itu selesai dilakukan (Abdullah Hassan ,1989 :224) . Dalam skop kajian ini , makna leksikel di luar rujukan nahu sahaja akan diberi perhatian secara *sepintas lalu* jika perlu sama ada yang dibawa oleh kata kerja sendiri atau makna kata kerja yang didukung oleh pola kata nama *mushtaq* . Ini kerana dalam bahasa Arab setiap pola yang dibentuk mempunyai fungsi dan makna tertentu .

1.7 DEFINISI TAJUK

Bahagian ini membentangkan secara ringkas definisi tajuk iaitu konsep *al-Mīzān al-Ṣarfīy* dan konsep pembentukan kata yang menjadi asas kepada kajian ini .

1.7.1 Definisi *al-Mīzān al-Ṣarfīy*

Al-Mīzān al-Ṣarfīy (الميزان الصرفي) adalah gandingan daripada dua perkataan iaitu *al-mīzān* (الميزان) dan *al-ṣarfīy* (الصرفي) . *Al-Mīzān* dari sudut bahasa , mengikut pendapat ibn Manzūr (1993 :15 :290) dalam kamusnya “Lisān al-‘Arab” adalah berasal daripada perkataan وَزَنَ // *wazana* // yang bermaksud العَدْلُ // *al-‘idl* // iaitu padanan atau timbangan. Kata *al-mīzān* (الميزان) ini merupakan kata pecahan dari perkataan وَزَنَ // *wazana* // yang dibentuk daripada pola مِفْعَالٌ // *mif‘ālun* // yang merujuk kepada kata nama alat (الألة) . Pola asalnya adalah مِوزَان . Kemudian huruf *wāw* ditukarkan kepada huruf *yā*’menjadi ميزان kerana menyesuaikan harakah *kasrah* dengan huruf *mīm* sebelumnya . Ia membawa maksud alat penimbang atau neraca timbangan . Kata *al-ṣarfīy* (الصرفي) pula dari sudut bahasa berasal daripada perkataan صَرَفَ // *ṣarafa* // yang membawa maksud “perubahan ” (التحويل والتغيير) seperti ungkapan : صَرَفْتُ الدَّرَاهِمَ بِالدَّنَانِيرِ (saya tukarkan dirham itu kepada dinar) atau perpindahan dari satu keadaan kepada satu keadaan yang lain (من حال لحال) (التحويل) (Khadījah al-Ḥadīthiy , 1965: 23).

Dari sudut ilmu linguistik, perkataan *al-ṣarfīy* (الصرفي) adalah kata nisbah dan memberi pengertian yang sama dengan morfologi iaitu bidang ilmu yang mengkaji struktur bentuk dan penggolongan kata .

Dari sudut istilah pula , *al- Mīzān al-Ṣarfīy* lebih dikenali dengan berbagai-bagai nama seperti الوزن // *al-wazn* // yang beerti timbangan , المثال // *al- mithāl* // yang bererti contoh atau serupa (‘Abduh al-Rājiḥiy ,1984 : 10), التصريف // *al-taṣrīf* // , المقياس // *miqyās* // dan المعيار // *al-mi’yār* // iaitu neraca .

Antara definisi *al- Mīzān al-Ṣarfīy* yang terkenal ialah definisi yang dikemukakan oleh tokoh- tokoh bahasa terkemuka iaitu :

a. Sībawayh (1982 : 2: 310) yang mendefinisikan *al-Mīzān al-Ṣarfīy* yang disebut wazan dalam karyanya yang berjudul “*al-Kitāb*” dengan katanya :

أَنْ تَبْنِي مِنَ الْكَلِمَةِ بِنَاءً لَمْ تَبْنِهِ الْعَرَبُ عَلَى مَا بَنَتْهُ ثُمَّ تَعْمَلُ فِي
الْبِنَاءِ الَّذِي بَنَيْتَهُ مَا يَفْتَضِيهِ قِيَاسُ كَلَامِهِمْ

Bahawa kamu membina dari sesuatu perkataan satu binaan yang tidak pernah dibina oleh orang Arab , kemudian kamu jadikannya sebagai *qiyās* kepada percakapan mereka .

b. Ibn Jinniy (1954 : 3) pula mendefinisikan *al- Mīzān al-Ṣarfīy* yang disebut *al-taṣrīf* iaitu .

التَّصْرِيفُ هُوَ أَنْ تَأْتِيَ إِلَى الْكَلِمَةِ الْوَاحِدَةِ فَتُصْرِفُهَا عَلَى وَجْهِ شَيْءٍ
وَمِثَالُ ذَلِكَ أَنْ تَأْتِيَ إِلَى (ضَرَبَ) فَتَبْنِي مِنْهُ مِثْلَ (جَعَفَرَ) فَتَقُولُ
(ضَرَبَ)

al-Taṣrīf bermaksud kamu datangkan satu perkataan kemudian kamu *taṣrīf*kannya dengan berbagai bentuk . Umpamanya perkataan *ḍaraba* kamu padankan dengan *ja'fara* menjadi *ḍarbaba*

Al-Mīzān al-Ṣarfīy menurut beliau adalah neraca kata bahasa Arab (*مِيزَانُ الْعَرَبِيَّةِ*). Dengannya dapat dikenali keaslian dan pengimbuhan kata bahasa Arab . Kewujudan suatu kata yang baru melalui proses pemerolehan bahasa tidak mungkin dapat dibentuk atau dikenalpasti melainkan dengan melalui ilmu *al-taṣrīf* (1954 : 2). Beliau menegaskan demikian dalam bukunya “ *al-Munṣif*” berbunyi :

وَلَا يُوصَلُ إِلَى مَعْرِفَةِ الْإِشْتِقَاقِ إِلَّا بِهِ

Kata ishtiqaq tidak dapat dikenal pasti tanpa ilmu al-taṣrīf

c. Ibn Mālik (Khālid ibn ‘Abdullah al-’Azḥariy, t.t : 2 : 358) pula mendefinisikan *al- Mīzān al-Ṣarfīy* yang disebut sebagai *التَّمْثِيلُ // al-tamthīl* // melalui kenyataan beliau seperti berikut :

كَيْفِيَّةُ الْوِزْنِ وَيُسَمَّى التَّمْثِيلُ تَقَابُلُ الْأَصْوَلِ بِالْقَاءِ فَالْعَيْنِ فَالْأَلَامِ
مُعْطَاةَ مَا لِمَوْرُؤِهَا مِنْ تَحْرُكٍ وَسُكُونٍ

Teknik timbangan yang dinamakan “ tamthīl “ ertinya mencontohi ialah memadankan huruf kata akar dengan huruf fā’ (huruf pertama kata akar), kemudian dengan huruf ‘ain (huruf kedua kata akar) dan dengan huruf lām (huruf ketiga kata akar). Padanan huruf yang diberi itu mesti sama dengan tanda-tanda harakat bersuara dan tak bersuara pada neraca yang ditimbang ”

d. ‘Abdul al-Qāhir al-Jurjāniy (1940 : 9) pula mendefinisikan *al- Mīzān al-Ṣarfīy* iaitu satu proses di mana suatu kata dasar dapat diperluaskan kepada pelbagai jenis kata dan makna . Ia juga merupakan alat yang digunakan untuk mengenalpasti kesahihan dan kerosakan suatu kata . Beliau menegaskan demikian dalam bukunya berjodol *Miftāḥ al-‘Ulūm* berbunyi :

عِبَارَةٌ عَنْ تَحْوِيلِ الْأَصْلِ الْوَاحِدِ إِلَى أَمْثَلَةٍ مُخْتَلِفَةٍ لِمَعَانٍ مَقْصُودَةٍ
 وَقِيلَ هُوَ آلَةٌ قَانُونِيَّةٌ يُعْرَفُ بِهَا صِحَّةُ الْفِعْلِ وَفَسَادُهُ

Ia adalah satu proses penerbitan satu kata dasar kepada pelbagai kata yang mempunyai berbagai makna . Ia juga merupakan satu medium resmi yang digunakan untuk mengenalpasti kesahihan dan kerosakan suatu kata .

e. Riḍa’uddin (1982 : 1: 10) pula, mendefinisikan *al- Mīzān al-Ṣarfīy* iaitu ilmu berkaitan item-item asas yang digunakan untuk mengenali bentuk – bentuk penerbitan dan pembinaan kata tanpa melibatkan sistem ‘*irāb*. Justeru , beliau memperjelaskan item-item asas yang dimaksudkan adalah wazan melalui pernyataan berikut :

و يُعَرِّفُ عَنْهَا بِإِلْفَاءِ وَالْعَيْنِ وَاللَّامِ "

*Dinamakannya (merujuk kepada al- Mīzān al-Ṣarfīy)
dengan fā' , 'ain dan lām"*

f. Fakhruddin Qabāwah (1988 : 16) seorang tokoh linguistik Arab moden pula mendefinisikan *al- Mīzān al-Ṣarfīy* sebagai مِقيَّاسُ // *miqyās* // yang bermaksud satu alat pengukur yang besepadu lagi tepat bagi mengklasifikasi golongan kata bahasa Arab . Ia menjadi rujukan utama bagi setiap kata bahasa Arab di samping menerangkan perubahan-perubahan asas yang berlaku dalam proses pembentukan kata seperti pengguguran , pengimbuhan huruf dan sebagainya.

g. Sharifuddīn 'Alīy al-Rājīhiy (t.t : 13) iaitu seorang lagi tokoh sarjana Arab moden yang turut membicarakan mengenai pengertian *al- Mīzān al-Ṣarfīy* . Beliau menyatakan bahawa *al- Mīzān al-Ṣarfīy* adalah merupakan satu kayu pengukur atau neraca yang digunakan untuk mengenali suatu kata akar , kata imbuhan dan tanda-tanda keduanya .

h. 'Aḥmad Ṭāhir Ḥusnaini (1987 : 95) dalam bukunya “ *Nazariyyat al-Iktimāl al-Lughawiy 'inda al-'Arab* mendefinisikan *al- Mīzān al-Ṣarfīy* sebagai أَبْجَدِيَّةٌ // *abjadiyyah* // bagi ilmu saraf iaitu elemen asas dalam bidang ilmu morfologi bahasa Arab . Beliau turut menekankan bahawa *al-Mīzān al-Ṣarfīy* adalah المِغْيَارُ // *al-mi'yār* // iaitu satu alat mengukur yang digunakan untuk membezakan kesahihan dan kerosakan suatu kata, mengenalpasti kejanggalan (شَاد) yang diterimapakai .

i. Muḥammad Khairal Ḥilwāniy (1978 : 11) pula mentafsirkan *al- Mīzān al-Ṣarfīy* adalah satu kajian yang penting dalam bidang morfologi dan menjadi asas utama untuk mengenalpasti keaslian dan imbuhan huruf , awalan dan akhiran huruf , pengguguran dan pengekatan huruf serta mengenalpasti huruf *berharakah* dan *huruf tak berharakah* dalam setiap pembentukan kata .

j. Khadījah al-Ḥadīthiy (1965 : 87) seorang ahli linguistik moden dan merupakan penganalisis bahasa pula menyebut bahawa *al- Mīzān al-Ṣarfīy* adalah satu kata timbang atau kayu pengukur yang digunakan untuk mengenalpasti bilangan huruf suatu perkataan dan susunannya dari sudut keaslian , pengimbuhan, harakah huruf serta perubahan yang berlaku .

k. ‘Abduh al-Rājiḥiy (1984 : 10) mendefinisikan *al- Mīzān al-Ṣarfīy* sebagai المقياس // *miqyās* // iaitu satu neraca yang diperkenalkan oleh para sarjana Arab untuk mengenali hal-hal yang berkaitan dengan pembinaan dan pengembangan kata bahasa Arab .

l. Maḥmūd Sulaimān Yāqūt (1994 : 17) ketika membicarakan mengenai *al- Mīzān al-Ṣarfīy* mengatakan bahawa mengikut pandangan para sarjana Arab ia adalah مَعْيَارٌ مِنَ الْحُرُوفِ iaitu satu acuan huruf . Ini dapat dilihat dengan jelas dari kenyataan beliau dalam kitabnya *al-ṣarf al-ta‘līmīy* :

" هُوَ مَعْيَارٌ مِنَ الْحُرُوفِ يُعْرَفُ بِهِ عَدَدُ حُرُوفِ الْكَلِمَةِ

وَتَرْتِيبُهَا وَمَا فِيهَا مِنْ أُصُولٍ وَزَوَائِدَ وَحَرَكَاتٍ وَسَكَنَاتٍ "

Ia merupakan suatu alat pengukur huruf yang digunakan untuk mengenalpasti bilangan dan susunan huruf dalam sesuatu perkataan , keaslian dan imbuhan huruf pada suatu perkataan serta bentuk huruf berharakah dan tak berharakah .

Berdasarkan kepada pelbagai definisi dan konsep kepada *al- Mīzān al-Ṣarfīy* yang diutarakan oleh ahli-ahli linguistik terkemuka silam dan moden seperti Sībawayh (1982 : 2 : 310) , Ibn Jinniy (1954 : 3) , Riḍa'uddin (1982 : 1 : 1,10) , Ibn Mālik (lihat Khālid ibn 'Abdullah al-'Azhāriy , t.t : 2 : 358) , Fakhrudin Qabāwah (1988 : 16) , Sharifuddin 'Ali al-Rājihiy (t.t : 13) , Muḥammad Khairal Ḥilwāniy (1978 : 11) dan Khadijah al-Hadīthiy (1965 : 87) dan lain-lain, pengkaji mendapati bahawa segala pentakrifan yang diberi tidak berbeza antara satu sama lain. Mereka sepakat mengatakan bahawa *al- Mīzān al-Ṣarfīy* adalah satu tajuk ilmu morfologi yang membicarakan tentang wazan 'aṣliy sebagai neraca yang digunakan untuk mengukur kata . Ianya menjadi tempat rujukan kepada kesahihan atau tidak segala kata dalam bahasa Arab.

Kajian *al- Mīzān al-Ṣarfīy* ini hanya melibatkan kata nama *al- mutamakkinah* (الْأَسْمَاءُ الْمُتَمَكِّنَةُ) atau dikenali juga dengan kata nama *al-mutaṣarrifah* (الْأَسْمَاءُ الْمُتَصَرِّفَةُ) yang bermaksud kata nama yang boleh menerima pecahan, dan kata kerja *al-mutaṣarrifah* (الْأَفْعَالُ الْمُتَصَرِّفَةُ) atau dikenali juga dengan nama kata kerja

al-tāmmah (الأفعال التامة) yang bermaksud kata kerja yang boleh diterbitkan daripadanya pelbagai pecahan pola kata . Ini kerana kedua-dua kata berkenaan boleh menerima perubahan dalam pelbagai bentuk pada struktur katanya (Khadijah al-Ḥadīthiy , 1965 : 26 dan Muḥammad 'Aliy al-Khūliy, t.t : 65,100) , serta bilangan hurufnya tidak kurang daripada tiga huruf dan tidak lebih daripada enam huruf .

Justeru , semua jenis الحُرُوف (partikel) dan شِبْه الحُرُوف (separa partikel) tidak terlibat dengan sistem *al- Mīzān al-Ṣarfīy* kerana kedua-duanya bersifat jumud dan tidak menerima sebarang perubahan pada bentuk dan struktur katanya , malahan kewujudannya tidak diketahui asalnya (Muḥammad 'Aḥmad Qāsim .2002 : 4) . Demikian juga kata pinjaman daripada bahasa asing seperti أُوْكِسِجِين , تِلْفِزِيُون , اسماعيل , لندن tidak terlibat dengan *al-Mīzān al-Ṣarfīy* kerana tidak mempunyai wazan tertentu malah tidak mengikuti peraturan bahasa Arab ('Amīn 'Aliy al-Sayyid , 1972 : 7) . Kecuali bahasa asing tersebut disesuaikan dengan wazan mengikut peraturan morfologi bahasa Arab , maka ketika itu ia terlibat dengan peraturan *al- Mīzān al-Ṣarfīy* seperti دِيَوَان menjadi دَوْنْ daripada wazan فَعْلَل < fa'ala > , النوروز menjadi نَوْرَزْ daripada wazan فَعْلَل < fa'lala > , زَنْدِيَقْ menjadi زَنْدَقْ daripada wazan فَعْلَل < fa'lala > (al- Suyūṭiy , t.t : 291) .

1.7.2 Pembentukan Kata

Pembentukan kata adalah satu proses morfologi yang mengkaji struktur , bentuk dan penggolongan kata .

Struktur kata dimaksudkan ialah susunan bentuk bunyi ujaran atau lambang (tulisan) yang menjadi unit bahasa yang bermakna. Bentuk kata pula ialah rupa unit tatabahasa, sama ada berbentuk tunggal atau hasil daripada proses pengimbuhan atau penggandaan. Penggolongan kata ialah proses menjeniskan perkataan berdasarkan keserupaan bentuk atau fungsi dengan anggota lain dalam golongan yang sama .

Unit-unit yang menjadi unsur pembentukan kata disebut morfem . Morfem ialah unit yang terkecil dalam bahasa yang berfungsi gramatis atau yang menjalankan tugas nahu . Morfem boleh bersifat bebas atau terikat . Morfem bebas ialah morfem yang dapat wujud bersendirian. Sebaliknya , morfem terikat ialah morfem yang hanya wujud bersama-sama morfem lain (Abdullah Hassan , 2007 : 36) . Sebagai contoh, perkataan خَرَجَ ialah morfem bebas terdiri daripada satu morfem , sedangkan perkataan أَخْرَجَ إِسْتَخْرَجَ pula merupakan morfem-morfem terikat yang mengandungi dua morfem kerana unit-unit إِسْتَأْ ، أْ itu tidak boleh wujud tanpa kata dasar خَرَجَ . Selain itu , terdapat perkataan yang mengandungi lebih daripada dua morfem seperti نَخْرَجَ ، نَقَاتِلَ . Kata pula ialah bentuk bahasa yang terkecil juga tetapi mengandungi makna yang lengkap dan dapat berdiri sendiri dalam ayat .

Tegasnya , proses pembentukan kata dalam suatu bahasa ialah proses penyusunan morfem menurut peraturan sistem morfologi bahasa itu . Dalam bahasa Arab kebanyakan proses pembentukan kata melibatkan pengimbuhan., pengguguran , pengalihan , penukaran , penyerapan dan penyuraian dan sebagainya.

Pembentukan kata bahasa Arab berteraskan kepada wazan 'ašliy . Wazan 'ašliy mungkin mengalami perubahan berikutan perubahan yang berlaku pada kata *al-mawzūn* (kata yang ditimbang) dan menyebabkan berlakunya perbezaan antara wazan 'ašliy dan kata *al-mawzūn* . Khadījah al-Ḥadīthiy (1965 : 116) seorang penganalisis linguistik moden turut mengulas konsep persamaan dan perbezaan antara wazan 'ašliy dan kata *al-mawzūn* . Beliau menegaskan bahawa perubahan yang berlaku pada struktur kata terbahagi kepada dua jenis iaitu :

1. Tiada perubahan pada wazan 'ašliy.

Wazan 'ašliy dikekalkan tanpa sebarang perubahan walaupun perubahan berlaku pada struktur kata *al-mawzūn* . Jenis-jenis perubahan yang tidak melibatkan perubahan pada wazan 'ašliy adalah *penukaran huruf* (الإِعْلَالُ بِالْقَلْبِ) *pengalihan harakah* (الإِعْلَالُ بِالنَّقْلِ) *penggantian huruf* (الإِبْدَالُ) dan *penyerapan* (الإِدْغَامُ) .

2. Perubahan pada wazan 'aşliy.

Wazan 'aşliy mengalami perubahan berikutan perubahan yang berlaku pada kata *al-mawzūn*. Perubahan –perubahan yang berlaku dalam kategori ini adalah pengguguran ((الإِعْلَالُ بِالْحَدْفِ), pengguguran dan pengalihan (الإِعْلَالُ بِالْحَدْفِ وَالنَّقْلِ) dan penukaran tempat (الْقَلْبُ الْمَكَانِي).

Namun , Riḍa'uddin (1982 : 1 : 18) dalam bukunya “ *Sharḥ al-Shāfiyah*” pula berpendapat bahawa proses *penukaran huruf* (الإِعْلَالُ بِالْقَلْبِ) dan *penggantian huruf* (الإِبْدَال) turut melibatkan perubahan pada wazan teras . Contohnya wazan bagi kata kerja قال ، باع ، زاد ، بان adalah فَال < *fāla* > dan wazan bagi kata kerja رمى dan دعا adalah فَعَى < *fa 'ā* > , wazan bagi kata kerja اضْطَرَبَ إِذْكَرَ dan إِزْدَهَرَ , إِظْلَمَ , أَفْذَى , أَفْظَعَلَ < *ifza 'ala* > , إِفْطَعَلَ < *ifta 'ala* > , إِفْذَعَلَ < *ifdha 'ala* > dan إِفْذَعَلَ < *ifda 'ala* > dan إِفْذَعَلَ < *ifdha 'ala* > .

Tammām Ḥassān (1985 : 144-145) iaitu salah seorang ahli linguistik Arab moden pula membuat pemerian wazan dari segi realiti pembentukannya . Beliau mengulas bahawa penentuan wazan suatu kata dalam bahasa Arab perlu mengambil kira perubahan yang berlaku terutama bagi kata *mu'tal* yang terlibat dalam proses 'ilāl dan 'ibdāl seperti pengimbuhan, pengguguran , pengalihan , penukaran , penyerapan dan penyuraian dan sebagainya . Ini kerana proses perubahan ini merupakan bentuk akhir pembentukan pola kata , malah pembentukannya lebih

mudah dan cepat tanpa sebarang kekeliruan . Beliau turut membicarakan unsur persamaan dan perbezaan antara wazan 'aşliyy dan kata *al-mawzūn* . Dalam hal ini beliau berpendapat bahawa antara *al-ṣīghah* (الصِّيغَة) dan *al-mīzān* (المِيزَان) mempunyai perbezaan yang wajar diambil perhatian. *Al-Ṣīghah* menurutnya ialah *mabnā ṣarfīy* (مَبْنَى صَرْفِيّ) iaitu binaan morfologi , manakala *al-mīzān* pula ialah *mabnā ṣautī* (مَبْنَى صَوْتِيّ) iaitu binaan fonologi . Perbezaan keduanya dapat dilihat pada bentuk kata kerja yang mempunyai huruf 'illah seperti kata kerja perintah bagi وَقَى ialah قِ di mana ṣīghahnya adalah أَفْعِلْ < if'il > manakala mīzānnya pula ialah عِ < 'i >. Kadang kala antara keduanya terdapat persamaan iaitu ketika kata kerja terdiri daripada huruf –huruf konsonan seperti kata kerja ضَرَبَ di mana ṣīghah dan mīzānnya adalah masing-masing berbentuk فَعَلْ < fa'ala > . Beliau turut mengemukakan beberapa contoh seperti dalam jadual berikut:

Jadual 1.1 : Contoh perbezaan antara ṣīghah dan mīzān

Bil	Contoh	Wazan asal (Ṣīghah)	Wazan akhir selepas perubahan (Mīzān)
1	إِسْتَخْرَجَ	إِسْتَفْعَلْ	Tiada Perubahan (persamaan)
2	إِسْتَخَارَ	إِسْتَفْعَلْ	إِسْتَفَالَ (perbezaan)
3	أَكْرَمَ	أَفْعَلْ	Tiada Perubahan (persamaan)
4	أَقَامَ	أَفْعَلْ	أَقَالَ (perbezaan)

Pendapat Tammām Ḥassān ini, penulis dapati lebih sesuai untuk dijadikan pendekatan alternatif pembentukan kata khususnya bagi pembelajaran pembentukan kata peringkat peringkat permulaan dan pertengahan serta tempoh masa pembelajaran yang singkat. Justeru, pendekatan penentuan wazan suatu kata pada pola akhir pembentukannya dirasakan lebih mudah dan cepat tanpa sebarang kekeliruan kerana liku-liku falsafah yang rumit daripada proses 'i'lāl dan 'ibdāl dapat dielakkan.

1.8 ORGANISASI KAJIAN

Kajian ini mengandungi (7) tujuh bab :

Bab 1 merupakan pendahuluan yang memaparkan latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif kajian, persoalan kajian, kepentingan kajian, batasan kajian, definisi tajuk dan organisasi kajian.

Bab 2 meninjau kajian lepas bagi faktor-faktor yang dikaji. Tinjauan adalah meliputi latarbelakang sejarah kelahiran ilmu saraf, pengasas ilmu saraf, peringkat perkembangan ilmu saraf, aliran-aliran linguistik Arab, kajian-kajian berkaitan pembentukan kata dengan tumpuan kepada aspek wazan, pembentukan kata kerja dan kata nama *mushtaq*. Tinjauan juga merangkumi proses-proses pembentukan kata dari aspek-aspek perubahan morfologi sebagai elemen yang wujud dalam analisis pembentukan kata.

Bab 3 dibahagikan kepada dua bahagian iaitu kerangka teori dan metodologi kajian . Perbincangan kerangka teori memaparkan aspek-aspek teori yang digunakan sebagai panduan dalam analisis pembentukan kata kerja dan kata nama mushtaq yang dikaji . Aspek teori yang dibincangkan ialah wazan , pembentukan kata , kata kerja *ḍamīr* , partikel *nūn tawkīd* dan *isytiqaq* . Perbincangan yang kedua pula adalah mengenai metodologi kajian yang digunakan dalam kajian ini . Perbincangan bahagian ini merangkumi metode kajian, data kajian, unit dan kategori analisis , skema pengkodan dan tatacara analisis .

Bab 4 menganalisis pembentukan kata kerja bahasa Arab . Tumpuan analisis adalah kepada kata kerja *thulāthiy mujarrad* , kata kerja *thulāthiy mazīd* , kata kerja aktif dan kata kerja pasif . Analisis yang dijalankan berdasar kepada sistem kala dan pengkelasian wazan serta jenis kata kerja. Proses-proses pembentukan kata kerja yang melibatkan aspek-aspek morfofonologi seperti pengguguran , penambahan , pengalihan penukaran , penyerapan dan penyuraian turut dianalisis . Bab ini bertujuan mengenalpasti persamaan dan perbezaan yang wujud antara wazan *'aṣliy* dan kata *al-mawzūn* mengikut aras perubahan morfologi .

Bab 5 merupakan kesinambungan kepada bab 4. Bab ini menganalisis pembentukan kata kerja ketika bersambungan dengan *ḍamīr* dan partikel *nūn tawkīd* . Kedua-dua elemen tersebut sebahagian daripada subsistem kata kerja dan

wajar dianalisis bersama dengan kata kerja . Kehadiran *ḍamīr* dan partikel *nūn tawkīd* di akhiran kata kerja akan melibatkan perubahan morfologi pada huruf konsonan atau huruf vokal yang berada di persekitarannya. Perubahan yang berlaku seperti pengguguran, penambahan , pengalihan , penukaran huruf , penyerapan dan penyuraian telah memberi kesan kepada persamaan dan perbezaan wazan 'asliy dan kata *al-mawzūn* .

Bab 6 memaparkan analisis pembentukan kata nama *mushtaq*. Kata nama mushtaq yang diberi tumpuan ialah kata nama yang mempunyai ciri-ciri makna dan fungsi kata kerja iaitu *masdar* (المَصْدَر), *ism fā'īl* (إِسْمُ الْفَاعِلِ), *ism maf'ūl* (إِسْمُ الْمَفْعُولِ), *ṣīghah mubālaghah* (صِيغَةُ الْمُبَالَغَةِ), *ṣīfat mushabbahah* (الصِّفَةُ الْمُشَبَّهَةِ) dan *ism tafḍīl* (إِسْمُ التَّفْضِيلِ). Kata nama jenis ini merupakan subsistem dari sistem kata kerja dan mempunyai bentuk wazan yang berbeza dari segi morfologi dengan kata kerja .

Bab 7 dibahagikan kepada dua bahagian . Bahagian pertama mengandungi rumusan dapatan kajian yang diperolehi daripada analisis data . Manakala bahagian kedua pula mengandungi cadangan dan saranan sebagai alternatif kepada amalan yang sedia ada . Cadangan tersebut dikemukakan untuk kajian dan penyelidikan yang akan datang.

1.9 PENUTUP

Bab ini membicarakan latarbelakang , pernyataan masalah, objektif kajian , persoalan kajian , kepentingan kajian ,batasan kajian , definisi tajuk dan organisasi kajian..